A

PP

lwn.

SUI HMONG LIAN

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
ZALEHA ZAHARI HMR
SULAIMAN DAUD HMR
BALIA YUSOF WAHI HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: N-05-3-2010]

C

19 OGOS 2011

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Kesetimpalan - Mematikan orang yang tidak tergolong kepada kesalahan membunuh - Tiga mangsa yang berbeza - Mangsa-mangsa diserang dengan amat kejam dan ganas - Faktor-faktor mitigasi dipertimbangkan - Sama ada hukuman-hukuman bagi ketiga-tiga kesalahan berjalan serentak - Hukuman wajar - Kanun Keseksaan, s. 304(a)*

D

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 304(a) - Mematikan orang yang tidak tergolong kepada kesalahan membunuh - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Tiga mangsa yang berbeza - Mangsa-mangsa diserang dengan amat kejam dan ganas - Faktor-faktor mitigasi dipertimbangkan - Sama ada hukuman-hukuman bagi ketiga-tiga kesalahan berjalan serentak - Hukuman wajar*

E

F

Responden telah dituduh dengan pertuduhan pilihan mematikan orang yang tidak tergolong kepada kesalahan membunuh ke atas tiga orang, iaitu Zam Rhe, Van Kam dan Bu Lian, iaitu satu kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan. Fakta menunjukkan bahawa responden yang bersenjatakan cangkul dan parang telah menyerang ketiga-tiga si mati ketika mereka berada dalam keadaan mabuk dan tidak berupaya untuk mempertahankan diri. Responden telah mengaku salah terhadap ketiga-tiga pertuduhan pilihan yang telah dikemukakan. Seterusnya, hakim telah menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun bagi setiap pertuduhan pilihan dan hukuman penjara yang dijatuhkan bagi ketiga-tiga kesalahan hendaklah berjalan serentak dari tarikh tangkap. Timbalan Pendakwa Raya (TPR) merayu terhadap hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi terhadap responden. TPR berhujah (i) hukuman yang telah dijatuhkan adalah terlalu ringan dan amat tidak memadai bagi kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh responden yang

G

H

I

melibatkan tiga mangsa yang berbeza; (ii) walaupun responden telah mengaku salah, faktor ini tidak wajar diberi sebarang pertimbangan oleh kerana fakta kes menunjukkan pembunuhan-pembunuhan telah dilakukan dengan amat kejam sekali; (iii) hakim bicara juga khilaf apabila memerintahkan hukuman-hukuman bagi ketiga-tiga kesalahan yang dijatuhkan terhadap responden berjalan serentak.

Diputuskan (membenarkan rayuan TPR sebahagiannya)
Oleh Zaleha Zahari HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Hukuman yang boleh dijatuhkan bagi kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan telah ditingkatkan menurut Penal Code (Amendment) Act 2003 (Act A1210) dari dua puluh tahun kepada tiga puluh tahun. Pindaan ini menunjukkan bahawa mahkamah perlu memberi perhatian dan menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan. Adalah nyata kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh responden adalah amat serius dan hukuman yang dijatuhkan perlu merupakan sebagai deteran kepada sesiapa yang melakukan kesalahan sedemikian.

(2) Faktor responden telah mengaku salah dan penjimatan masa mahkamah adalah faktor yang tidak boleh diterima sebagai alasan kukuh untuk menjatuhkan hukuman yang ringan. Demi kepentingan awam hukuman yang dijatuhkan perlu mencerminkan kebencian terhadap pembunuhan yang telah berlaku. Hukuman yang telah dijatuhkan di sini adalah terlalu ringan dan amat tidak memadai bagi kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan. Ketiga-tiga si mati telah dibunuh secara yang amat mengerikan. Berhubung dengan faktor bahawa ketiga-tiga simati telah bertindak secara agresif, mengejek-ejek, menghina dan memukul responden, kelakuan sedemikian tidak boleh diterima sebagai justifikasi bagi responden untuk mengambil tindakan balas secara extreme dengan mengambil nyawa orang-orang yang telah bertindak sedemikian.

(3) Tiga kesalahan ini telah dilakukan pada tarikh dan masa, tempat yang sama, sebagai tindakbalas kepada tindakan ketiga-tiga simati secara bersama, serta melibatkan perbuatan dan tindakan responden yang berterusan. Prinsip satu transaksi seperti yang diperuntukkan di bawah 165(1) Kanun Prosedur

Jenayah terpakai. Hakim Mahkamah Tinggi tidak khilaf apabila beliau memerintahkan supaya hukuman bagi ketiga-tiga kesalahan berjalan secara serentak.

[Hukuman yang dijatuhkan selama 15 tahun oleh Hakim Mahkamah Tinggi bagi setiap kesalahan pilihan diketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara selama 20 tahun bagi setiap kesalahan dan hukuman-hukuman tersebut hendaklah berjalan serentak dari tarikh tangkap.]

***English** Translation Of Headnotes*

The respondent was charged with an alternative charge for the offence of culpable homicide not amounting to murder on three people, Zam Rhe, Van Kam and Bu Lian, an offence under s. 304(a) Penal Code. The facts showed that the respondent, armed with a hoe and a parang, had attacked the three deceased persons while they were in a state of intoxication and helplessness and was not in a position to defend themselves. The respondent had pleaded guilty to the three alternative charges preferred against him. Subsequently, the judge sentenced the respondent to 15 years' imprisonment for each alternative charge and the sentence for the three offences to run concurrently from the date of the arrest. The Deputy Public Prosecutor (DPP) appealed against the sentence. The DPP submitted (i) the sentence imposed was manifestly inadequate and was not sufficient considering the offences committed by the respondent against three different victims; (ii) although the respondent had pleaded guilty, this factor should not be given any consideration because the facts of the case showed that the killings were done in an extremely cruel way; (iii) the trial judge had also erred when he had ordered the sentences for the three offences against the respondent to be run concurrently.

Held (allowing DPP's appeal in part)
Per Zaleha Zahari JCA delivering the judgment of the court:

(1) The sentence imposed for the offence under s. 304(a) Penal Code has been increased according to the Penal Code (Amendment) Act 2003 (Act A1210) from twenty years to thirty years. This amendment shows that the court has to pay attention and pass heavier sentences for offences under s. 304(a) Penal Code. It was clear and obvious that the

offences committed by the respondent were very serious and the sentence passed should be a deterrence to anyone committing such offences.

(2) The fact that the respondent had pleaded guilty and had saved the court's time was a fact that could not be accepted as a good ground to pass a light sentence. For the sake of public interest the sentence passed must reflect the society's abhorrence to the crime committed. The sentence passed herein was too light and was not adequate to the offences committed. The three deceased persons had been killed in a most horrifying way. In relation to the factor that the three deceased persons had behaved aggressively, had jeered, had condemned and hit the respondent, the said actions should not be accepted as justification for the respondent to respond in such an extreme way by taking the lives of the three deceased persons.

(3) The three offences were committed on the same date, time and place, as a reaction to the joint actions of the three deceased persons, and involved the respondent's continuous actions. The one transaction principle prescribed under s. 165(1) of the Criminal Procedure Code was applicable. The High Court judge had not erred when he made the order for the sentence for the three offences to run concurrently.

[The sentence of 15 years' imprisonment passed by the High Court Judge for each alternative offence to be set aside and replaced with a sentence of 20 years' imprisonment for each offence and the said sentences to run concurrently from the date of arrest.]

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, ss. 302, 304(a)

Bagi pihak perayu - Samihah Rhazali TPR
Bagi pihak responden - Hadir sendiri

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Negeri Sembilan; Perbicaraan Jenayah Bil: 45-11-08]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Zaleha Zahari HMR:

[1] Responden di dalam kes pada mulanya telah dihadapkan dengan tiga pertuduhan membunuh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan terhadap orang yang dinamakan dalam pertuduhan. Pada 30 Oktober 2009 Pendakwa Raya telah mengemukakan tiga tuduhan pilihan terhadap responden di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan seperti berikut:

B

C

Pilihan Pertama

Bahawa kamu pada 30.5.2008 jam lebih kurang 5.30 petang hingga 1.6.2008 jam lebih kurang 2.45 petang, di dalam sebuah rumah kongsi Kampung Bukit Ulu Jelebu, Kuala Klawang, di dalam daerah Jelebu, di dalam Negeri Sembilan Darul Khusus, telah mematikan orang yang tidak tergolong kepada kesalahan membunuh ke atas ZAM RHE. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan.

D

Pilihan Kedua

E

Bahawa kamu pada 30.5.2008 jam lebih kurang 5.30 petang hingga 1.6.2008 jam lebih kurang 2.45 petang, di dalam sebuah rumah kongsi Kampung Bukit Ulu Jelebu, Kuala Klawang, di dalam daerah Jelebu, di dalam Negeri Sembilan Darul Khusus, telah mematikan orang yang tidak tergolong kepada kesalahan membunuh ke atas VAN KAM. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan.

F

Pilihan Ketiga

G

Bahawa kamu pada 30.5.2008 jam lebih kurang 5.30 petang hingga 1.6.2008 jam lebih kurang 2.45 petang, di dalam sebuah rumah kongsi Kampung Bukit Ulu Jelebu, Kuala Klawang, di dalam daerah Jelebu, di dalam Negeri Sembilan Darul Khusus, telah mematikan orang yang tidak tergolong kepada kesalahan membunuh ke atas BU LIAN. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan.

H

[2] Responden telah mengaku salah terhadap ketiga-tiga pertuduhan pilihan yang telah dikemukakan. Kemudiannya, responden telah juga mengakui fakta kes yang telah dibentangkan oleh pihak pendakwaan. Hakim Mahkamah Tinggi Seremban pada 25 November 2009, mendapati responden bersalah di bawah tiga pertuduhan pilihan yang telah dikemukakan. Setelah disabitkan dan

I

setelah mendengar hujahan mitigasi dan hujahan balas Timbalan Pendakwa Raya (TPR), Hakim telah menjatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun bagi setiap pertuduhan pilihan dan hukuman penjara yang dijatuhkan bagi ketiga-tiga kesalahan hendaklah berjalan serentak dari tarikh tangkap.

[3] TPR merayu terhadap hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Seremban terhadap responden.

Fakta Kes

[4] Pada 29 Mei 2008 jam lebih kurang 4.30 petang Zam Rhe ("si mati 1"), Van Kam ("si mati 2"), Bu Lian ("si mati 3") dan Sui Hmong Lian (iaitu responden) sedang berehat di sebuah rumah kongsi di Kampung Bukit Ulu Jelebu, Kuala Klawang selepas selesai bekerja di ladang. Si mati 1, si mati 2 dan si mati 3 telah mengarahkan responden dengan nada yang kasar untuk masak untuk mereka. Setelah responden menyediakan makanan, simati 2 marah responden kerana telur yang digoreng olehnya masin. Berlaku pertengkaran antara responden dan si mati 2 yang dapat dileraikan oleh si mati 1 dan si mati 3.

[5] Pada keesokan harinya, 30 Mei 2008, jam 3.30 petang, ketiga-tiga si mati dan responden telah menerima wang perbelanjaan dari Pengurus Ladang, Encik Zulkifli Lubis bin Alimuddin.

[6] Seterusnya pada jam 4.30 petang, si mati 1, si mati 2 dan si mati 3 telah pergi ke pekan untuk membeli minuman keras. Tiga puluh (30) minit kemudian ketiga-tiga si mati balik ke rumah kongsi dengan beberapa botol minuman keras dan telah minum minuman keras tersebut sehingga mabuk. Ketiga-tiga simati dalam keadaan mabuk telah bertindak agresif ke atas responden, memukul dan menolak-nolak serta mengejek-ejek responden tentang masakannya yang tidak sedap. Timbullah perasaan marah responden terhadap ketiga-tiga si mati akibat dari kelakuan mereka ini.

[7] Pada jam 7 malam responden masih berperasaan marah di atas perbuatan ketiga-tiga si mati yang telah memukul, mengejeknya dan tidak menghiraukan rayuannya untuk berhenti berbuat demikian. Responden kemudiannya telah keluar dari rumah kongsi tersebut. Dia mengambil sebatang cangkul dan sebilah parang yang biasanya digunakan untuk menebas semak serta dahan kayu di

ladang. Responden yang bersenjatakan dengan cangkul dan parang tersebut masuk balik ke dalam rumah kongsi tersebut. Responden kemudiannya telah menghampiri si mati 2 (yang pada ketika itu mabuk teruk dalam keadaan terlentang) dan telah menghayun parang tersebut sekuat hati ke leher si mati 2, kemudiannya, telah mengelar leher si mati 2. Apabila si mati 2 kelihatan masih bergerak-gerak, responden telah menghentak kepala si mati 2 dengan cangkul yang dibawa masuk tadi. Selepas itu responden menghayunkan parang tersebut beberapa kali ke leher dan muka si mati 3 yang berada berdekatan dengan si mati 2. Setelah si mati 3 tidak bergerak, responden menghampiri si mati 1 pula (yang pada ketika itu juga dalam keadaan mabuk teruk) dan menghayun parang tersebut ke dada, kepala dan leher si mati 1 dengan kuat. Selepas itu responden telah mencampak cangkul yang berlumuran darah keluar dari tingkap rumah kongsi tersebut.

[8] Setelah mencuci tangannya yang berlumuran darah, dan kemaskan pakaiannya di dalam sebuah beg, responden telah melarikan diri. Sambil menuju ke jalan utama, responden telah mencampakkan parang yang telah digunakan untuk menyerang ketiga-tiga simati di kawasan semak lebih kurang 200 meter dari rumah kongsi tersebut.

[9] Pihak polis telah berjaya mengesan responden di Kajang. Responden telah di tangkap pada 2 Jun 2008 jam 4 petang. Soalsiasat telah dijalankan ke atas responden melalui Jurubahasa Myanmar. Responden kemudianya telah membawa Cif Inspektor Mohd Azuan bin Abdul Rahman ke rumah kongsi tersebut dan menunjukkan cangkul yang beliau campakkan setelah menyerang ketiga-tiga simati. Pada 3 Jun 2008 jam 10 pagi, selepas disoal-siasat, responden telah membawa Cif Inspektor Mohd Azuan ke kawasan semak dan menunjukkan di mana dia telah membuang parang yang telah digunakan untuk menyerang ketiga-tiga simati.

[10] Dr. Mohd Shah telah menjalankan bedah siasat ke atas ketiga-tiga simati. Bedah siasat ke atas si mati 1, menunjukkan terdapat luka hirisan (3 x 0.5 sm) di kanan dahi, luka hirisan (2.5 x 1 sm) di pipi kanan, luka tetakan di leher (16 x 4 sm) yang bersambung hingga ke bahu kiri (7 x 4 sm). Terdapat kesan tetakan pada tulang lengan kiri dan tulang 'clavicle' kiri. Luka tetakan ini juga telah menghiris salur pemakanan 'esafagus', salur pernafasan trakea, salur darah 'jugular' kiri dan mengenai tulang

belakang, dua luka hiris tipis (2.5 x 0.2 sm dan 4 x 0.3 sm) di bahu kanan, luka hirisan (2 x 0.5 sm) di siku kiri dan calar (7 x 6 sm) di lengan bawah sebelah kiri. A

[11] Bedah siasat ke atas si mati 2 mendapati 4 luka koyak di kanan dahi dan sisi kanan kepala (4 x 2.5 sm, 3.5 x 1.5 sm, 7 x 2 sm dan 3.5 x 1 sm). Kecederaan ini telah menyebabkan kesan keretakan tulang tengkorak di bahagian ini, luka hirisan di leher (10 x 4 sm, sedalam 10.5 sm) yang menghiris otot kanan leher, salur darah kanan leher dan mengenai tulang leher, luka tetakan di tengah dada (11 x 4 sm, sedalam 4 sm) dan calar (4 x 0.5 sm) di belakang tangan kiri. Bedah siasat ke atas mayat si mati 3 telah mendapati luka tetakan (3 x 1 sm) di sisi kanan kepala, dua luka tetakan (7 x 3 sm dan 2 x 1 sm) kanan dahi yang menyebabkan keretakan tulang tengkorak dan luka hirisan (2 x 1 sm) di bibir atas. Sebab kematian kesemua si mati adalah luka tetakan di kepala dan leher. B C D

[12] Hakim Mahkamah Tinggi setelah mendengar hujahan mitigasi oleh peguambela dan hujahan TPR telah menjatuhkan hukuman yang menjadi subjek rayuan ini. E

[13] TPR berhujah hukuman yang telah dijatuhkan adalah terlalu ringan, amat tidak memadai bagi kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh responden yang melibatkan tiga mangsa yang berbeza. Menurut TPR, walaupun responden telah mengaku salah, faktor ini tidak wajar diberi sebarang pertimbangan oleh kerana fakta kes menunjukkan pembunuhan-pembunuhan telah dilakukan dengan amat kejam sekali. Responden telah menyerang ketiga-tiga si mati ketika mereka berada dalam keadaan mabuk dan tidak berupaya untuk mempertahankan diri dari serangan responden yang bersenjatakan cangkul dan parang. Faktor bahawa ketiga-tiga simati telah bertindak secara agresif, mengejek-ejek, menghina dan memukul responden, sekiranya wujud provokasi sedemikian, terdapat lat masa setelah ketiga-tiga si mati bertindak sedemikian. Unsur provokasi sedemikian tidak bermakna responden boleh mengambil tindakan balas secara extreme seperti yang telah terjadi dalam kes ini yang mengakibatkan tiga nyawa terkorban. F G H

[14] TPR berhujah, hakim yang bijaksana telah juga khilaf apabila memerintahkan hukuman-hukuman bagi ketiga-tiga kesalahan yang dijatuhkan terhadap responden berjalan serentak. Menurutnya, hukuman yang telah dijatuhkan hendaklah berjalan berasingan atas I

A alasan berikut. Kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh responden merupakan tiga kesalahan yang berbeza. Ia melibatkan tiga perbuatan yang berasingan, serta ke atas tiga mangsa yang berlainan. Dengan itu, tiga pertuduhan telah dikemukakan terhadap responden. Perintah supaya responden menjalani hukuman serentak
B bagi tiga kesalahan bermakna responden telah hanya menyebabkan kematian seorang sahaja dan bukan tiga orang.

Keputusan

C **[15]** Kami mengambil perhatian bahawa hukuman yang boleh dijatuhkan bagi kesalahan dibawah s. 304(a) Kanun Keseksaan telah ditingkatkan menurut Penal Code (Amendment) Act 2003 (Act A1210) yang berkuatkuasa pada 6 Mac 2007 dari dua puluh tahun kepada tiga puluh tahun. Pindaan ini menunjukkan bahawa mahkamah perlu memberi perhatian dan menjatuhkan hukuman
D yang lebih berat kepada kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan. Daripada fakta kes adalah nyata kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh responden adalah amat serius dan hukuman yang dijatuhkan perlu merupakan sebagai deteran kepada sesiapa yang melakukan kesalahan sedemikian.
E

[16] Berhubung dengan faktor responden telah mengaku salah dan penjimatan masa mahkamah, pada pendapat kami, faktor ini tidak boleh diterima sebagai alasan kukuh untuk menjatuhkan hukuman yang ringan. Demi kepentingan awam hukuman yang
F dijatuhkan perlu mencerminkan kebencian terhadap pembunuhan yang telah berlaku. Kami bersetuju dengan hujahan TPR bahawa hukuman yang telah dijatuhkan adalah terlalu ringan dan amat tidak memadai bagi kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan.

G **[17]** Fakta kes juga menunjukkan ketiga-tiga simati telah dibunuh secara yang amat mengerikan. Responden yang bersenjatakan cangkul dan parang telah menyerang ketiga-tiga si mati ketika mereka berada dalam keadaan mabuk dan tidak berupaya untuk mempertahankan diri dari serangan responden. Berhubung dengan
H faktor bahawa ketiga-tiga simati telah bertindak secara agresif, mengejek-ejek, menghina dan memukul responden, kami bersetuju dengan hujahan TPR bahawa kelakuan sedemikian tidak boleh diterima sebagai justifikasi bagi responden untuk mengambil tindakan balas secara extreme dengan mengambil nyawa orang-
I orang yang telah bertindak sedemikian.

[18] Berhubung dengan isu sama ada hukuman-hukuman yang dijatuhkan wajar berjalan serentak atau berasingan, daripada fakta kes, tiga kesalahan ini telah dilakukan pada tarikh dan masa yang sama (30 Mei 2008 jam lebih kurang 5.30 petang hingga 1 Jun 2008 jam lebih kurang 2.45 petang), tempat yang sama (rumah kongsi Kampung Bukit Ulu Jelebu Kuala Klawang) sebagai tindakbalas kepada tindakan ketiga-tiga simati secara bersama, serta melibatkan perbuatan dan tindakan responden yang berterusan. Dalam keadaan ini kami berpendapat prinsip satu transaksi seperti yang diperuntukkan di bawah s. 165(1) Kanun Prosedur Jenayah terpakai. Pada pendapat kami Hakim Mahkamah Tinggi tidak khilaf apabila beliau memerintahkan supaya hukuman bagi ketiga-tiga kesalahan berjalan secara serentak.

[19] Oleh yang demikian rayuan TPR dibenarkan sebahagiannya. Hukuman yang dijatuhkan selama 15 tahun oleh Hakim Mahkamah Tinggi bagi setiap kesalahan pilihan diketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara selama 20 tahun bagi setiap kesalahan dan hukuman-hukuman tersebut hendaklah berjalan serentak dari tarikh tangkap.